

MAHATHIR - TEMUBUAL 'R'R'R'

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI

1983

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- SEJAK KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DIUMUMKAN OLEH PERDANA MENTERI PADA BULAN FEBRUARI YANG LALU, BERBAGAI-BAGAI INTEPRETASI TELAH DIBUAT OLEH BERBAGAI PIHAK.

UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG SALAH ANGGAHAN YANG MUNGKIN TIMBUL DAN UNTUK MENJELASKAN KONSEP TERSEBUT SEJELAS-JELASNYA, BERIKUT INI DISIARKAN SEPENUHNYA KANDUNGAN TEMUBUAL DENGAN PERDANA MENTERI MENGENAI KONSEP ITU MELALUI RANCANGAN +EHWAL SEMASA+ TERBITAN RTM MALAM INI:

SOAL: DATUK SERI, BOLEHKAH DATUK SERI JELASKAN APA MAKSUD DATUK SERI MENGENAI KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA?

JAWAB: PERSYARIKATAN MALAYSIA ADALAH SATU KONSEP YANG DIAMBIL DARIPADA APA YANG DIKENALI SEBAGAI 'JAPAN INCORPORATED' ATAU PUN PERSYARIKATAN JEPUN. KONSEP INI BUKANLAH SATU KONSEP YANG DIGUBAL OLEH JEPUN SENDIRI, TETAPI INI ADALAH SATU LEBEH YANG DIKENAKAN KEPADA JEPUN KERANA NEGARA-NEGARA LAIN DAN SYARIKAT-SYARIKAT LAIN YANG BERTANDING DENGAN JEPUN BERPENDAPAT BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT. JEPUN BERPENDAPAT BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT. JEPUN DAN KERAJAAN JEPUN BEKERJASAMA DALAM BIDANG PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN. SEOLAH-OLAH MEREKA ADALAH DI DALAM SATU SYARIKAT, IAITU KERAJAAN MENOLONG UNTUK MENJAYAKAN SYARIKAT JEPUN, BAIK DALAM PERSAINGAN ANTARA SYARIKAT JEPUN, BAIK DALAM PERSAINGAN ANTARA SYARIKAT JEPUN DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING ATAU PUN DI DALAM NEGERI JEPUN SENDIRI, UNTUK MENENTUKAN SUPAYA DAYA PENGELUARAN SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN INI MENINGKAT. -- LAGI 1450/MK

MAHATHIR-TEMUBUAL 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) 'R'R'R'

KERJASAMA INI MERUPAKAN SATU SIKAP OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG CUBA MEMBERI APA JUGA BANTUAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT, SUPAYA MEREKA DAPAT BERGERAK DENGAN LEBIH EFISIEN. UMPAMANYA, KALAU SYARIKAT MEMERLUKAN LESEN ATAU PUN KELULUSAN SESUATU PERMINTAAN, MAKA KELULUSAN ATAU PUN LESEN INI DIBERI DENGAN SECEPAT MUNGKIN SUPAYA SYARIKAT ITU TIDAK MENGALAMI KERUGIAN. KALAU SYARIKAT JEPUN TERPAKSA BERTANDING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT NEGARA LAIN DI PASARAN ANTARABANGSA, KERAJAAN JEPUN AKAN MEMBANTU SYARIKATNYA, SAMA ADA MELALUI MEMBERI PINJAMAN WANG DENGAN FAEDAH YANG RENDAH, ATAU PUN APA JUGA CARA YANG BOLEH DIBUAT OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBANTU SYARIKAT-SYARIKAT INI. INILAH YANG MENJADIKAN SYARIKAT JEPUN BEGITU BERJAYA, DAN INI JUGA MENJADIKAN NEGARA JEPUN BEGITU BERJAYA DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN, BAIK DI DALAM NEGERI ATAU PUN ANTARA BANGSA.

SOAL: DATUK SERI, DARI KETERANGAN DATUK SERI ITU MENUNJUKKAN BAHAWA PERANAN YANG BESAR ANTARA KERAJAAN DENGAN SWASTA. JADI BOLEHKAH SAYA FAHAMKAN BAHAWA INI AKAN MELIBATKAN PENGKAJIAN SEMULA FUNGSI BANK NEGARA ITU SENDIRI. SEBAB BIASANYA DI JEPUN, BANK JEPUN ITU MENJADI PENJAMIN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PERNIAGAAN DI BAWAH PERSYARIKATAN JEPUN. JADI ADAKAH INI AKAN BERLAKU DI MALAYSIA?

-- LAGI 1453/ZCM

NNNN

ZCZC B574

MAHATHIR - TEMUBUAL 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO) 'R' 'R' 'R'

JAWAB: DI NEGERI JEPUN SISTEM BANKNYA BERBEZA DARIPADA SISTEM BANK DI MALAYSIA KITA, DAN DI NEGERI JEPUN SYARIKAT-SYARIKAT MEMPUNYAI BANK YANG DIMILIKI OLEH KUMPULAN SYARIKAT SENDIRI, DAN BEKALAN WANG DARIPADA BANK ADALAH SEBAHAGIAN YANG BESAR DARI MODAL BAGI SATU-SATU SYARIKAT, WALAUPUN BANK ITU JUGA BOLEH MEMBERI PINJAMAN KEPADA BANK-BANK LAIN. TETAPI DI NEGARA KITA, KITA TIDAK MEMBENARKAN BANK MELIBATKAN DIRI SECARA LANGSUNG DENGAN SESEBUAH SYARIKAT, IAITU SESUATU BANK TIDAK SEHARUSNYA DIMILIKI OLEH SESUATU SYARIKAT DAN MEMBANTU SYARIKAT ITU. INI ADALAH DASAR KITA, TETAPI DASAR INI TIDAKLAH BERMAKNA BAHAWA KITA TIDAK BOLEH MENGADAKAN MALAYSIA INCORPORATED INI.

SOAL: DATUK SERI, KERJASAMA ANTARA KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA SAMA ADA DALAM BIDANG PENGURUSAN, PENTADBIRAN, MALAH DARI SEGI PENCARUMAN MODAL, MEMANG SUDAH LAMA BERLAKU. JADI KENAPAKAH PENTING, ATAU APAKAH PENTINGNYA MAKA MENYEBABKAN DATUK SERI MENYARANKAN SUPAYA KITA DI SAAT INI MEMIKIRKAN TENTANG KONSEP MALAYSIA INCORPORATED ATAU PERSYARIKATAN MALAYSIA ITU? -- LAGI 1500/MK
NNNN

ZCZC B575:

MAHATHIR-TEMUBUAL 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO) 'R' 'R' 'R'

JAWAPAN: KONSEP INI MENJADI PENTING KERANA TERDAPAT KADANGKALA SI-KAP ATAU PENDIRIAN DI KALANGAN KERAJAAN SENDIRI SEOLAH-OLAH PIHAK SWASTA ITU ADALAH MUSUH DAN KITA TIDAK PERLU BERUSAHA UNTUK MENJAYAKAN MEREKA KERANA MEREKA INI BEKERJA SEMATA-MATA UNTUK KEUNTUNGAN BAGI DIRI MEREKA. JADI KITA DI DALAM KERAJAAN BEKERJA UNTUK KEPENTINGAN NEGARA. ITU ADALAH PENDAPAT KITA SECARA SEPINTAS LALU. TETAPI KITA JUGA HARUS INGAT BAHAWA KERAJAAN DIBIYAI MELALUI CUKAI DAN HASIL YANG DIKUTIP DAN CUKAI YANG KITA KUTIP HAMPIR SEMUANYA DATANG DARIPADA KEGIATAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN. SEBENARNYA BAGI SYARIKAT-SYARIKAT YANG BESAR-BESAR, KERAJAAN MENDAPAT 40 HINGGA 55 PERATUS DARIPADA KEUNTUNGAN MEREKA SEBAGAI CUKAI YANG DIPUNGUT OLEH KERAJAN. ITU SECARA +DIRECT+. JADI INI BERMAKNA BAHAWA WALAUPUN SYARIKAT ITU BEKERJA UNTUK KEUNTUNGAN MEREKA, TETAPI SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA KEUNTUNGAN ITU AKAN DIAMBIL OLEH KERAJAAN SEBAGAI HASIL ATAU PUN CUKAI, DAN KUTIPAN INILAH YANG DIGUNAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBIYAI PENTADBIRANNYA DAN JUGA UNTUK MEMBIYAI SEGALA +SERVICES+ DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN. JADI INI BERMAKNA BAHAWA KEJAYAAN SYARIKAT... -- LAGI 1500/ZCM

NNNN

MAHATHIR-TEMUBUAL 5 KUALA LUMPUR (EMBARCO)

AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN SEBANYAK 40 SEHINGGA 55 PERATUS KEPADA KERAJAAN. DAN INI, KALAU KITA FIKIRKAN SECARA MENDALAM, KERAJAAN MEMPUNYAI SATU +VESTED INTEREST+ DALM KEJAYAAN SYARIKAT, SEOLAH-OLAH KERAJAAN MENJADI +SHAREHOLDER+ ATAU PEMEGANG SAHAM SEBANYAK 45 PERATUS DI DALAM SYARIKAT, DAN BERTAK MENDAPAT KEUNTUNGAN BILA SYARIKAT ITU UNTUNG, JADI KALAU KITA BERUSAHA MENENTUKAN SUPAYA SYARIKAT ITU UNTUNG, INI JUGA BERMAKNA BAHAWA KERAJAAN AKAN UNTUNG. SEBALIKNYA KALAU SYARIKAT ITU RUGI, MAKA KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMUNGUT CUKAI PENDAPATAN, UMPAMANYA, DAN SYARIKAT YANG RUGI DAN BANKRAP AKAN MENJADI BEBAN KEPADA BANK, AKAN MENJADI BEBAN KEPADA MASYARAKAT DAN SEBAGAINYA, YANG MANA SEBAHAGIAN DARIADA BEBAN INI TENTULAH TERPAKSA DITANGGUNG OLEH KERAJAAN SENDIRI. SEBAB ITU, KITA HENDAK KONSEP MALAYSIA INCORPORATED INI, YANG MANA KERAJAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAINYA BEKERJA SOALAH-OLEH MEREKA MEMILIKI SYARIKAT ITU, IAITU SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARIKAT ITU, SUPAYA SYARIKAT ITU BERJAYA. CNILAH YANG KITA MAKSUDKAN DENGAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, IAITU KIT BEKERJA SEOLAH-OLAH KITA MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARIKAT KERAN KEUNTUNGAN SYARIKAT ITU ADALAH KEUNTUNGAN KIT JUGA.--LAGI 1500/NB

NNNN

ZCZC B577

MAHATHIR - TEMUBUAL 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO) 'R'R'R'

SOAL: DATUK SERI, MENGENAI SIKAP INI DALAM SEJARAH JEPUN, PERUBAHAN INI BERLAKU KERANA MILLTERI ARISTOKRASI MENYERAHKAN KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN MEREKA UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN PERUSAHAAN. TETAPI APAKAH KEMUNGKINAN BIROKRATIK ARISTOKRASI KITA SUNGGUP UNTUK MENGORBAN KEPENTINGAN DAN KESENYANGAN UNTUK MELIBATKAN DIRI DALAM USAHA BERSAMA INI?

JAWAB: MEREKA TIDAK PERLU KORBAN, SEBENARNYA APA YANG PERLU DIBUAT OLEH MEREKA IALAH MENENTUKAN SUPAYA SEGALA PROSES BIROKRASI BERJALAN DENGAN BEGITU LICIN SUPAYA PERNIAGAAN TIDAK TERGANGGU. UMPAMANYA KALAU SEBUAH SYARIKAT MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KEBENARAN MENGADAKAN SATU SKIM PERUMAHAN, KITA TAHU BAHAWA SYARIKAT ITU TERPAKSA MEMINJAM WANG, MEMBELI TANAH, MEMBUAT BEKALAN, MEMBUAT ITU DAN INI SEBAGAI PERSIAPAN. JADI KALAU PERMOHONANNYA TIDAK DILAYAN SECARA EFISIEN, MENGAMBIL MASA DUA TAHUN, DALAM JANGKA MASA DUA TAHUN ITU, KALAU DIA MEMPUNYAI MODAL YANG TERTANAM DI DALAM TANAH YANG DIBELI DAN LAIN-LAIN PERSEDIAAN, MODAL ITU TERPAKSA DIBAYAR FAEDAH, BERMAKNA KOSNYA AKAN MENINGKAT. JADI KALAU KOSNYA MENINGKAT SUDAH TENTU KEUNTUNGAN SYARIKAT ITU AKAN BERKURANGAN, ATAUPUN SEKURANG-KURANGNYA DIANYA TERPAKSA MENGENAKAN BAYARAN YANG LEBIH TINGGI UNTUK RUMAH-RUMAHNYA. -- LAGI 1505/MK NN

ZCZC B578:

MAHATHIR-TEMUBUAL 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO) 'R'R'

SEBALIKNYA KALAU DENGAN KERANA SIKAP PEGAWAI KERAJAAN SEOLAH-OLAH INI ADALAH PERUSAHAANNYA SENDIRI DAN MESTI DILULUSKAN DENGAN SEBERAPA SEGERA YANG BOLEH JIKA TIDAK ADA MASALAH, MAKA DIANYA MUNGKIN DAPAT LULUS DALAM MASA SATU BULAN, ATAUPUN DUA BULAN, DAN FAEDAH YANG KENA BAYAR SELAMA DUA TAHUN ITU DAPAT DIELAK OLEH PENGUSAHA, DAN DENGAN KERANA ITU, PENGUSAHA AKAN DAPAT KEUNTUNGAN YANG BANYAK DAN KERAJAAN AKAN DAPAT CUKAI DARIPADA KEUNTUNGAN ITU.

SOAL: DALAM HUBUNGAN INI, SUPAYA PERKARA INI BERJALAN MENGIKUT PERSYARIKATAN JEPUN, TIAP-TIAP JABATAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN MENUBUHKAN +STUDY GROUP+ YANG DIANGGOTAI OLEH GOLONGAN PROFESIONAL, SAINTIS, LAWYERS, WARTAWAN DAN SEBAGAIMANA, TERMASUK PETANI-PETANI SENDIRI, WAKIL-WAKIL PETANI. JADI KADANG-KADANG KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH PERDANA MENTERI, DAN JUGA OLEH KABINET, TERPAKSA TIDAK DIJALANKAN OLEH KERANA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH KALANGAN INI. JADI, APAKAH PERKARA YANG SAMA AKAN BERLAKU DI SINI KALAU KITA LAKSANAKAN PERSYARIKATAN MALAYSIA NANTI? -- LAGI 1508/ZCM

JAWAB: SAYA PERCAYA JIKA KONSEP INI DIFAHAMI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI, IAITU MEREKA AKAN DAPAT FAEDAH DARIPADA KEJAYAAN SYARIKAT-SYARIKAT INI, INI TIDAK AKAN MENJADI MASALAH. TIDAK PERLU MENGADAKAN +STUDY GROUP+. APA YANG PERLU IALAH TIAP-TIAP SATU TUGAS, ATAUPUN SATU KERJA YANG TERPAKSA DIJALANKAN OLEH SETIAP PEGAWAI, MESTILAH DIJALANKAN DENGAN CARA YANG CUKUP EFISIEN, SEOLAH-OLAH TUGAS ITU MENGUNTUNGGAN DIRINYA SENDIRI DAN SEBENARNYA MENGUNTUNGGAN DIRINYA SENDIRI. JADI DENGAN CARA ITU MAKA SEGALA URUSAN KITA AKAN BERJALAN DENGAN LICIN DAN MASALAH-MASALAH YANG BIASA KITA DENGAR, SUNGUTAN DARIPADA PENGURUS-PENGURUS SYARIKAT INI DAPAT DIKURANGKAN DAN MEREKA TENTU AKAN DAPAT KEJAYAAN, DAN DENGAN CARA INI MEREKA AKAN DAPAT KEUNTUNGGAN.

SOAL: SAYA INGIN BERBALIK KEPADA TINDAKAN BALAS YANG EFISIEN, CEKAP DAN BERKESAN DARIPADA JENTERA KERAJAAN KEPADA INDIVIDU, ATAU KECEKAPAN PEGAWAI, ADALAH SEBAHAGIAN SAHAJA DARIPADA URUSAN-URUSAN YANG SEPATUTNYA DILALUI. TERDAPAT RUNGUTAN BAHAWA KITA PERLU MELALUI TERLALU BANYAK +STATUTORY REQUIREMENTS,+ ATAU UNDANG-UNDANG YANG HARUS DILALUI. CONTOHNYA, DALAM PERUMAHAN, SATU SEKTOR YANG HENDAK KITA CUBA MAJUKAN MELALUI KONSEP INI, TERPAKSA MELALUI TIDAK KURANG DARIPADA 30 PERINGKAT, KLAU TAK SALAH SAYA. JADI ADAKAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA INI UNTUK MELAKSANAKANNYA KITA PERLU MEMINDA UNDANG-UNDANG DAN MENJADIKAN UNDANG-UNDANG LEBIH MUDAH UNTUK DIINTERPRETASI DAN UNTUK DILAKSANAKAN? -- LAGI
1520/ZCM

MAHATHIR - TEMUBUAL 9 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

JAWAB: MEMANG BENAR ADA MASALAH UNDANG-UNDANG, TETAPI YANG LEBIH BESAR IALAH MASALAH LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENJALANKAN SESUATU TUGAS. SEBENARNYA UNTUK MELULUSKAN PERMOHONAN UNTUK MENGADAKAN SATU SKIM PERUMAHAN MEMERLUKAN TIDAK KURANG DARIPADA 120 LANGKAH YANG MESTI DIJALANKAN OLEH MUNGKIN 30 ATAU 40 PEGAWAL. JADI INI SUDAH TENTU AKAN MEMANJANGKAN MASA UNTUK MELAKUKAN SESUATU KERJA. KITA SEDAR AKAN MASALAH INI DAN KITA SUDAH PUN MEMBUAT SATU KAJIAN, DAN SEKARANG INI KITA TELAH MENGADAKAN SATU SISTEM BARU YANG SEDANG DIJALANKAN TETAPI BELUM LAGI PENUH SUSUNANNYA, IAITU SISTEM YANG MANA KITA MENENTUKAN TIAP-TIAP SATU LANGKAH DI DALAM MENJALANKAN SATU-SATU KERJA. UMPAMANYA KALAU SESEORANG INGIN MEMOHON LESEN UNTUK EKSPORT, APAKAH TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH PEGAWAI-PEGAWAI TERTENTU. INI AKAN DISENARAIKAN SEBAGAI SATU +WORK FLOW CHART+. MELALUI ITU, KITA DAPAT PULA TENTUKAN LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL DAN SIAPA YANG PERLU MENGAMBIL LANGKAH ITU, DAN KITA TAHU BAHAWA IANYA AKAN MENGAMBIL MASA SEKIAN LAMA UNTUK MELAKUKAN KERJA ITU. JADI, KALAU DIANYA PATUH KEPADA SPIRIT MALAYSIA INCORPORATED INI, DIANYA PATUH KEPADA KERJANYA DAN MENJALANKAN TUGAS-TUGASNYA DALAM JANGKA MASA YANG DITENTUKAN. -- LAGI 1521/MK
NNNN

ZCZC B591

MAHATHIR - TEMUBUAL 10 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SAYA YAKIN BAHAWA YANG PERTAMANYA DIANYA DAPAT MEMPERCEPATKAN PROSES MELULUS 120 LANGKAH TADI. TETAPI DALAM PADA ITU PULA KITA SUDAH CUBA MEMUDAHKAN SEGALA PROSES INI. ADA BERMACAM-MACAM PROSES YANG SEBENARNYA TIDAK PERLU, BAIK DARI SEGI UNDANG-UNDANG, ATAUPUN DARI SEGI PENTADBIRAN. DAN INI SEDANG DIBUAT OLEH MAMPU YANG MENKKAJI SAMA ADA LANGKAH-LANGKAH ITU PERLU ATAU TIDAK. JIKA TIDAK PERLU KITA SINGKIRKAN DAN KITA CUMA ADA LANGKAH-LANGKAH YANG RINGKAS SAHAJA SUPAYA DARI 120 LANGKAH, MUNGKIN DAPAT KITA KURANGKAN KEPADA 30, DAN 30 BOLEH DIANGGAP SEDIKIT, DAN DENGAN CARA INI DAPATLAH KITA MENENTUKAN PENTADBIRAN BERJALAN DENGAN LEBIH BERKESAN.

SOAL: DATUK SERI, SAYA BERBALIK KEPADA SOAL +BASIC+. OLEH KERANA DATUK SERI MEMANDANG KEPADA +EXPERINECE+ JEPUN MENGENAI PERSYARIKATAN MALAYSIA ATAU PERSYARIKATAN JEPUN, JADI DALAM RANCANGAN INI, MUNGKIN KITA TIDAK ADA MASA YANG PENUH UNTUK MENJELASKAN, NANTI ORANG YANG MENDENGARNYA AKAN MEMBACA CARA-CARA JEPUN MELAKSANAKAN KONSEP INI. ADAKAH PERBEZAANNYA, DALAM FIKIRAN DATUK SERI, ANTARA CARA KITA MELAKSANAKANNYA DAN CARA JEPUN MELAKSANAKANNYA? -- LAGI 1526/MK

ZCZC B592:

MAHATHIR-TEMUBUAL 11 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

JAWAB: MEMANG ADA PERBEZAAN. YANG KITA HENDAK IALAH KERJASAMA YANG ERAT ANTARA KERAJAAN DENGAN PIHAK SWASTA. DENGAN ADANYA KERJASAMA INI SUDAH PUN ADA MALAYSIA INCORPORATED. TETAPI ADA CARA-CARA MUNGKIN YANG DIJALANKAN OLEH ORANG-ORANG JEPUN YANG MUNGKIN TIDAK SESUAI DENGAN KEHENDAK KITA. UMPAMANYA, MEREKA ADALAH MASYARKAT YANG +HOMOGENEOUS+, JADI MEREKA TIDAK MENGHADAPI MASALAH KEADAAN TIDAK SEIMBANG ANTARA KAUM. JADI WALAUPUN KITA MENGADAKAN KONSEP MALAYSIA INCORPORATED INI, KITA PERLU JUGA MENENTUKAN SUPAYA DASAR-DASAR, SEPERTI DASAR EKONOMI BARU, TIDAK DIKETEPIKAN DENGAN KERANA KITA INGIN MELAKSANAKAN KONSEP MALAYSIA INCORPORATED INI. DAN MUNGKIN ADA LAIN-LAIN LAGI CARA YANG DIGUNAKAN OLEH JEPUN YANG DIANGGAP TIDAK SESUAI DENGAN KITA DARI SEGI +CULTURE+ MUNGKIN ATAUPUN DARI PADA SEGI ISTEM KITA, DAN CARA-CARA INI YANG TIDAK SESUAI, KITA TIDAK GUNAKAN. KITA AKAN GUNAKAN CARA YANG SESUAI DAN MUNGKINKITA AKAN MEMBENTUK CARA KITA SENDIRI.. YANG PENTING DALAM MALAYSIA INCORPORATED IN IALAH KERJASAMA YANG ERAT ANTARA KERAJAAN DENGAN PIHAK SWASTA SEOLAH-OLAH SELURUH MALAYSIA INI MERUPAKAN SEBUAH SYARIKAT YANG BERGERAK UNTUK MEMAJUKAN NEGARA INI UNTUK KEPENTINGAN PENDUDUK-PENDUDUKNYA DALAM PERSAINGAN ANTARABANGSA, ATAUPUN DALAM PEMBANGUNAN DALAM NEGARA. -- LAGI 1528/ZCM

MAHATHIR-TEMUBUAL 12 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SOAL: TIDAKKAH DATUK SERI NAMPAK ADA MASALAH IAITU OLEH KERANA SECARA KEBETULAN SEKTOR SWASTA INI TERDIRI DARIPADA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU DAN BIROKRASI, MELAYU. JADI, DALAM PERLAKSANAAN NANTI TIDAKKAH TIMBUL MASALAH YANG BANYAK?

JAWAB: SAYA PERCAYA KITA TIDAK DAPAT ELAK DARIPADA MASALAH. TETAPI MASALAH KITA DAPAT ATASI KALAU KITA MEMPUYAI SIKAP YANG SESUAI BAGI MENGATASI MASALAH ITU. KITA SEDAR UMPAMANYA DALAM BIDANG POLITIK, WALAUPUN PENDAPAT POLITIK BERCANGGAH, TETAPI ADA +AREA-AREA+ ATAUPUN BIDANG-BIDANG, YANG BOLEH KITA KERJASAMA DAN KITA BEKERJASAMA SEHINGGA DAPAT KITA MENGWUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG AMAN DAMAI. SAYA BERPENDAPAT BAHAWA DALAM BIDANG PERNIAGAAN JUGA BOLEH DIADAKAN SATU JENIS KERJASAMA SUPAYA KEPENTINGAN DASAR EKONOMI BARU TIDAK DIKETEPIKAN DALAM PERLAKSANAAN MALAYSIA INCORPORATED INI, DAN MASALAH INI KITA AKAN HADAPI APABILA DIANYA TIMBUL.

SOAL: INI ADA SATU SOALAN SECARA UMUM, IAITU ADAKAH DASAR INI KELAK AKAN SECARA PERLAHAN-PERLAHAN MEMBAWA NEGARA INI MENJADI NEGARA PERNIAGAAN, UNTUK PERNIAGAAN DAN KERANA PERNIAGAAN ATAU DALAM BAHASA INGGERIS +GOVERNMENT OF BUSINESS, BY BUSINESS, FOR BUSINESS.+

JAWAB: ITU ADALAH SATU JENIS KEBUDAYAAN SEBENARNYA. SAYA PERCAYA BAHAWA PENDUDUK DI NEGARA KITA INI MEMPUYAI NILAI-NILAI TERTENTU, NILAI-NILAI YANG AKAN MENENTUKAN KITA BERDIRI TEGAS DI ATAS BUMI, KITA TIDAK TERAWANG-AWANG DI ANGKASA. JADI SAYA PERCAYA BAHAWA KITA TIDAK AKAN LEPASKAN NILAI-NILAI KITA YANG BAIK TADI, SEMASA-MATA KERANA INGIN MENJAYAKAN EKONOMI NEGARA. SEHINGGA SEKARANG INI PUN KALAU KITA TENGOK, KALAU KITA PERHATIKAN, EKONOMI NEGARA SUDAH BERUBAH DARI MASA KITA MERDEKA SEHINGGA SEKARANG INI. TETAPI NILAI-NILAI KITA TIDAK BERUBAH BEGITU JAUH, IAITU NILAI-NILAI YANG MENJADI TERAS KEPADA KEBUDAYAAN KITA INI TIDAK BERUBAH, DAN SAYA YAKIN BAHAWA KALAU KITA BERHATI-HATI MASALAH INI TIDAK AKAN BANGKIT. -- LAGI 1555/ZCM

SOAL: DATUK SERI, TERDAPAT SEMACAM SATU KEKELIRUAN MASA INI ANTARA KEGIATAN KERAJAAN MENYERAHKAN AKTIVITI EKONOMI KEPADA SEKTOR SWASTA DENGAN KONSEP MALAYSIA INCORPORATED ATAU PERSYARIKATAN MALAYSIA, 8-857 ORANG MENGANGGAP BAHAWA MELALUI KONSEP MALAYSIA INCORPORATED, KITA AKAN MENYERAHKAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG SEBELUM INI DIJALANKAN OLEH KERAJAAN ATAU PERBADANAN KERAJAAN KEPADA SEKTOR SWASTA. ADAKAH INI SATU INTERPRETASI YANG BETUL ATAU TIDAK?

JAWAB:

PENYERAHAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEGIATAN KERAJAAN KEPADA PIHAK SWASTA TIDAK BERMAKNA BAHAWA DIANYA MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KONSEP MALAYSIA INCORPORATED. INI ADALAH SATU LAGI +APPROACH+ YANG DITERIMA OLEH KERAJAAN YANG ADA SEKARANG INI, IAITU UNTUK MENENTUKAN SUPAYA BERBAGAI KEMUDAHAN MENJADI LEBIH EFISIEN, KERAJAAN TIDAK SEHARUSNYA MENERUSKAN KHIDMAT INI. KITA SEPATUTNYA MENYERAHKAN KEPADA PIHAK SWASTA KERANA KITA TAHU SWASTA DIDORONG OLEH +PROFIT+ ATAUPUN KEUNTUNGAN. DAN MEREKA AKAN MENGURUSKAN SESUATU DENGAN CARA YANG LEBIH EFISIEN DAN OLEH ITU KITA AKAN DAPAT KEMUDAHAN ATAUPUN KHIDMAT YANG LEBIH BAIK. JADI KITA BERPENDAPAT BAHAWA +TELECOMMUNICATIONS+ UMPAMANYA, TIDAK SEMESTINYA DIMILIKI OLEH KERAJAAN. DI BANYAK NEGARA-NEGARA LAIN, TELECOMMUNICATIONS DIURUS OLEH PIHAK SWASTA. JADI DI MALAYSIA JUGA HARUS KITA PINDAHKAN KEPADA SWASTA SEBAHAGIAN, JIKA TIDAK SEMUA, SEKURANG-KURANGNYA SEBAHAGIAN DARIPADA +TELECOMMUNICATION FACILITIES+ INI KEPADA SWASTA, TERUTAMA APABILA KITA DAPATI KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI CUKUP MODAL DAN KAKITANGAN UNTUK MENGEJAR PERKEMBANGAN DALAM BIDANG +TELECOMMUNICATIONS+ INI, JADI LEBIH BAIK LAGI KITA SERAH KEPADA SWASTA SUPAYA MEREKA MENJALANKANNYA TETAPI TERTAKLUK KEPADA DASAR-DASAR KITA. DAN APABILA MEREKA DAPAT UNTUNG KERAJAAN AKAN MENGUTIP HASIL DARIPADA MEREKA. JADI, KITA BERPENDAPAT BAHAWA KHIDMAT SEPERTI PELABUHAN ATAUPUN SEBAHAGIAN DARIPADA PELABUHAN, KHIDMAT +TRANSPORTATION+ UMPAMANYA, KENDERAAN DAN KHIDMAT +TELECOMMUNICATION,+ RADIO, TV MUNGKIN DISERAHKAN SEBAHAGIAN DARIPADANYA KEPADA PIHAK SWASTA SUPAYA DAPAT BERKEMBANG MAJU DENGAN LEBIH PESAT KERANA DARIPADA PERKEMBANGAN INI KERAJAAN AKAN MENDAPAT MANFAAT.--LAGI 1557/NB

ZCZC B607:

MAHATHIR-TEMUBUAL 14 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SOAL: DI PERINGKAT NEGERI PULA, DATUK SERI, ADAKAH ANAK-ANAK SYARIKAT PKEN (PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI) AKAN DISERAHKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA MISALNYA?

JAWAB: INI SOAL PENYERAHAN SYARIKAT-SYARIKAT MILIK KERAJAAN KEPADA PIHAK ORANG RAMAI ADALAH SATU PERKARA LAIN PULA. ADA YANG BERPENDAPAT BAHAWA SETELAH KERAJAN MENEROKA DI DALAM BIDANG PERNIAGAAN INI DAN MENDAPAT KEJAYAAN KITA SERAHKAN BALIK KEPADA BUMIPUTERA. TETAPI KERAJAAN BERPENDAPAT BAHWA SUNGGUHPUN KITA PATUT SERAHKAN BALIK KEPADA BUMIPUTERA, KITA PATUT SERAHKAN BALIK KEPADA KESEMUA BUMIPUTERA. SEBAB ITULAH KITA MENUBUHKAN AMANAH SAHAM NASIONAL. PERSYARIKATAN MALAYSIA TIDAK BERMAKNA BAHAWA KITA AKAN MENGAMBIL SEGALA SYARIKAT-SYARIKAT MILIK KERAJAAN INI DAN MENYERAHKAN KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU BUMIPUTERA. TETAPI DALAM KES-KES TERTENTU, YANG MANA MUNGKIN PERBADANAN NASIONAL BERHAD UMPAMANYA TIDAK BERHAJAT DAN BUMIPUTERA ITU MEMPUNYAI +EXPERTISE+ TERTENTU, BOLEH JUGA KITA TIMBANG SUPAYA DISERAHKAN KEPADA BUMIPUTERA YANG LAYAK MEMILIKNYA. TETAPI UMUMNYA KITA BERPENDAPAT KERANA KITA MENGGUNAKAN WANG RAKYAT UNTUK MENGADAKAN SYARIKAT-SYARIKAT INI, MAKA SEPATUTNYALAH SEBILANGAN YANG TERBESAR SEKALI DARIPADA RAKYAT BUMIPUTERA AKAN MERASA NIKMAT DARIPADA USAHA KERAJAAN MELABUR DALAM BIDANG PERNIAGAAN INI DAN INI DAPAT DIBUAT MELALUI AMANAH SAHAM NASIONAL. -- LAGI 1603/ZCM

MAHATHIR-TEMUBUAL 15 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SOAL: SATU LAGI DATUK SERI, IAITU WALAPUN MINAT DAN SOKONGAN TELAH NAMPAK DARIPADA ORANG RAMAI TERHADAP RANCANGAN PERSYARIKATAN MALAYSIA, TETAPI BANYAK PIHAK MENIMBULKAN KEBIMBANGAN TERUTAMA DARI KALANGAN USAHAWAN MELAYU SENDIRI IAITU KEKURANGAN TENAGA-TENAGA PROFESIONAL YANG AKAN MENGENDALI DAN MENJALANKAN CARA BERSAMA PERSYARIKATAN INI. JADI, APAKAH LANGKAH-LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL DALAM SOAL INI?

JAWAB:

SOAL TENAGA PROFESIONAL SEBENARNYA TIDAK BANGKIT MELAINKAN DAR PIHAK SWASTA SENDIRI, DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG ADA DALAM KERAJAAN SEKARANG INI DAN PERUBAHAN SIKAP OLEH MEREKA MENGIKUT KONSEP KERJASAMA ANTARA KERAJAAN DENGAN SWASTA, INI SUDAH MEMADAI. YANG DIKEHENDAKI DARIPADA KERAJAAN IALAH BEKERJA DENGAN SEBERAPA EFISIENNYA SUPAYA SEGALA PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN DALAM NEGARA KITA INI DAPAT KEJAYAAN YANG TINGGI. ITU SAHAJA DAN INI BERMAKNA PENTADBIRAN YANG CEKAP, PENTADBIRAN YANG LURUS, YANG TIDAK DISEKAT OLEH PERASAAN IRIHAT? UMPAMANYA IAITU KALAU KITA MELULUSKAN SESUATU, MAKA YANG DAPAT KEUNTUNGAN IALAH MEREKA DAN BUKAN KITA PERASAAN ITU MESTILAH DISINGKIRKAN. SEBALIKNYA KITA MESTILAH MENGANGGAP BAHAWA USAHA KITA INI AKAN MENJAYAKAN PIHAK SWASTA, TETAPI KEJAYAANNYA AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA KERAJAAN DALAM BENTUK CUKAI DAN HASIL, DAN INI AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN MEMBIAYAI PENTADBIRANNYA DENGAN LEBIH SEMPURNA, MUNGKIN JUGA MENAIKKAN GAJI PEGAWAI, DAN JUGA UNTUK MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG BIASANYA DIADAKAN OLEH KERAJAAN.--LAGI 1603/NB

.....
ZCZC 8609:

MAHATHIR-TEMUBUAL 16 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SOAL: SAYA INGIN BERBALIK KEPADA SOAL DATUK SERI MENGATAKAN BAHAWA KITA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN DI SAMPING KITA MENGEKALKAN BEBERAPA TERAS KEBUDAYAAN KITA. TETAPI DALAM PADA ITU BANYAK JUGA DARIPADA KEBUDAYAAN KITA YANG MENJADI HALANGAN KEPADA KEMAJUAN. MALAH JEPUN SENDIRI MENCAPAI KEJAYAAN YANG BESAR IALAH KERANA DIA SENDIRI MENOLAK KEBUDAYAAN +CONFUCIAN+. JADI KITA SEKARANG BERADA, SAYA RASA, DALAM SATU KONFLIK +VALUE+, NILAI-NILAI DI MANA YANG KITA HARUS KORBANKAN DAN JUGA YANG MANA HARUS KITA KEKALKAN. TETAPI KALAU UNTUK MENCAPAI TARAF KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI OLEH BANGSA JEPUN MUNGKIN JUGA INI MENJADI SATU MASALAH YANG BESAR.

JAWAB: PENDAPAT SAYA BERBEZA SEDIKIT. SAYA BERPENDAPAT BAHAWA NILAI YANG ADA KEPADA KITA SUDAH CUKUP SESUAI DENGAN APA YANG HENDAK KITA BUAT. TETAPI YANG MENJADI MASALAH KEPADA KITA SEMENTARA KITA MENERIMA NILAI ITU KITA TIDAK MENGAMALKANNYA. UMPAMANYA, TIADA

SEORANG DARIPADA KITA YANG BERKATA BAHAWA KERAJINAN ITU TIDAK BAIK. SEMUA BERKATA BAHAWA KERAJINAN ITU BAIK. TETAPI SEMENTARA KITA MENGAKU BAHAWA KERAJINAN ITU BAIK, KITA TIDAK RAHIN. DAN KITA KATA, BEKERJA DENGAN IKHLAS, KEIKHLASAN ITU ADALAH BAIK TETAPI KADANG-KADANG KITA BEKERJA DENGAN TIDAK IKHLAS. JADI YANG KITA HENDAK SEKARANG INI IALAH MENGAMALKAN SEGALA NILAI-NILAI YANG BAIK YANG KITA SUDAH PUN TERIMA. JADI TIDAK TIMBUL MASALAH MENYINGKIRKAN NILAI-NILAI KITA, SEPERTI PIHAK JEPUN TERPAKSA MENYINGKIRKAN NILAI +CONFUCIAN+ DAN MENERIMA NILAI DARIPADA BARAT. KITA TAK BEGITU PERLU BERBUAT DEMIKIAN. APA YANG KITA PERLU BUAT IALAH, YANG PERTAMANYA, BEKERJA KUAT. DAN INI MEMANG SECOCOK DENGAN NILAI KITA. ORANG YANG BEKERJA KUAT DAN RAJIN ITU MEMANG MEMBUAT SESUATU YANG DIIKTIRAF SEBAGAI BAIK OLEH MASYARAKAT. DAN KALAU KITA DIKEHENDAKI BELAJAR, ITU JUGA DITUNTUT OLEH MASYARAKAT KITA. CUMA YANG MENJADI MASALAH KEPADA KITA SEMENTARA KITA BERCAKAP BERKENAAN DENGAN APA YANG BAIK TETAPI KITA JARANGKALI, MINTA MAAFLAH, JARANGKALI KITA AMALKAN. KITA KATA BEKERJA. BILA DISURUH BEKERJA, KITA KATA ADA MASALAHLAH, KITA HENDAK KENA ITULAH, KENA INILAH. INI MENUNJUK BAHAWA KITA TIDAK MENOLAIKAN KERJA SEPERTIMANA KITA KATAKAN. -- LAGI 1616/MK

MAHATHIR-TEMUBUAL 17 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SOAL: DARI PENJELASAN DATUK SERI DAPAT DISARANKAN BAHAWA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA INI MEMERLUKAN KERAJAAN BERSIKAP LEBIH SENSITIF KEPADA KEHENDAK-KEHENDAK SEKTOR SWASTA. TETAPI TERDAPAT SATU MASALAH IAITU +SENSITIVITY+ DARIPADA PEGAWAI KERAJAAN SAHAJA MUNGKIN TIDAK MENCUKUPI SEBAB TERDAPAT WAKTU-WAKTU APABILA KITA PERLU BERTINDAK MENGADAKAN DASAR-DASAR TERTENTU SEPERTI DATO SERI SEBUTKAN AWAL TADI BAHAWA JIKA EKONOMI MENGHADAPI KEMELESETAN APAKAH YANG DAPAT DIJALANKAN OLEH KERAJAN. CONTOHNYA BERI PINJAMAN PADA KADAR YANG RENDAH. JADI, ADAKAH BUAT MASA INI DATUK SERI TELAH MEMIKIRKAN +FRAMEWORK+ ATAU RANGKA KERJA UNTUK MELAKSANAKAN KONSEP INI DENGAN, KITA KATAKAN, BERKESAN.

JAWAB: KITA TELAH MEMILIR DENGAN MENDALAM DAN KITA TELAH PUN MENGAMBIL TINDAKAN. SEPERTI YANG SAYA KATAKAN TADI CARA-CARA BEKERJA UMPAMANYA SEDANG DIKAJI DAN DISUSUN LAIN SUPAYA SESUAI DENGAN SATU KERJAAN YANG LEBIH EFISIEN. CARA-CARA YANG TEKNIKAL YANG MELIBATKAN BANTUAN UMPAMANYA, SEMUA INI KITA SEDANG AMALKAN DAN JUGA KITA MEMIKIR TENTANG APAKAH YANG PERLU KITA BUAT LAGI. UMPAMANYA SEBAGAI CONTOH, PADA TAHUN 1982 KITA MENGHAPUSKAN CUKAI YANG DIKENAKAN KE ATAS KAMERA. DULU KITA MENGENAKAN CUKAI KE ATAS KAMERA, KONONNYA PADA PENDAPAT KITA, KAMERA INI ADALAH SATU BARANG MEWAH DAN KITA PERLU KENAKAN CUKAI YANG TINGGI KE ATAS BARANG YANG MEWAH. INI PRINSIPNYA. TETAPI KITA DAPATI KERANA KITA MENGENAKAN CUKAI YANG TINGGI, PERNIAGAAN KAMERA INI SUDAH PUN MEROSOT. SEBALIKNYA ORANG-ORANG MALAYSIA PERGI KE SINGAPURA UNTUK MEMBELI KAMERA DAN KITA TIDAK DAPAT CUKAI DAN KITA TIDAK DAPAT APA-APA FAEDAH. SEBALIKNYA KALAU KITA HAPUSKAN CUKAI YANG TINGGI KE ATAS KAMERA INI, PERNIAGAAN... -- LAGI 1618/ZCM
NNNN

ZCZC B611

MAHATHIR - TEMUBUAL 18 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KAMERA AKAN BERKEMBANG MAJU, PENIAGA AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN, ORANG KITA AKAN DAPAT MEMBELI -- TIDAK PAYAH PERGI KE SINGAPURA LAGI -- DENGAN MURAH DAN DENGAN BANYAKNYA, DAN PENIAGA KAMERA AKAN DAPAT KEUNTUNGAN YANG BANYAK. EXPORTER, IMPORTER DAN LAIN-LAIN ORANG SEMUANYA AKAN DAPAT KEUNTUNGAN YANG BANYAK. DAN TIAP KALI MEREKA DAPAT KEUNTUNGAN KITA KENAKAN CUKAI PENDAPATAN. INI BERMAKNA WALAUPUN KITA HAPUSKAN SATU CUKAI, IAITU CUKAI IMPORT YANG TIDAK MEMBERI FAEDAH KERANA TIDAK BANYAK DIIMPORT, KERANA PERNIAGAAN ITU DIHAPUSKAN OLEH SEBAB TERLALU TINGGI HARGA, SEKARANG INI KITA TIDAK KUTIP CUKAI ITU, TETAPI KITA KUTIP CUKAI PENDAPATAN DARIPADA SATU PERNIAGAAN YANG DAHULUNYA TIDAK MAJU. JADI FIKIRAN-FIKIRAN YANG SEUMPAMA INILAH YANG KITA SEDANG KAJI UNTUK MENENTUKAN SUPAYA TUGAS KERAJAAN TIDAK TERKONGKONG DENGAN PRINSIP-PRINSIP YANG SUDAH LAPUK.

SOAL: DI SINI DATUK SERI, MENGAPA KONSEP ATAU MENGAPA JEPUN DITUDUH, DILEBEL SEBAGAI +JAPAN INCORPORATED+ IALAH KERANA KERAJAAN MEMBERI KERJASAMA RAPAT DENGAN INDUSTRI. JADI JEPUN DITUDUH SEBAGAI MENG+SUBSIDISE+ ATAU MEMBERI SUBSIDI KEPADA INDUSTRI. JADI SETIAP KALI JEPUN BERJAYA MENGEKSPORT BARANG-BARANGNYA KE PASARAN DUNIA, KE AMERIKA ATAU KE EEC, DITUDUH SEBAGAI 'DUMPING'. MALAHAN KITA SENDIRI PERNAH MENGHADAPI MASALAH INI, KALAU TAK SALAH SAYA, DALAM HAL EKSPORT MINYAK KELAPA SAWIT. TERDAPAT LOBI DI AMERIKA YANG MENGATAKAN KITA MEMBERI SUBSIDI YANG BANYAK KEPADA MINYAK KELAPA SAWIT. JADI TIDAKKAH TERDAPAT KEBIMBANGAN BAHAWA INILAH REAKSI DARIPADA NEGARA-NEGARA RAKAN PERDAGANGAN KITA, TERUTAMA DI BARAT? -- LAGI 1624/MK

MAHATHIR - TEMUBUAL 19 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

JAWAB: MUNGKIN ADA REAKSI INI, TETAPI LAMBAT LAUN MEREKA TENTULAH TERPAKSA MEMBELI DARIPADA PUNCA YANG LEBIH MURAH ATAU PUN MEREKA TERPAKSA BERSAING DENGAN KITA DENGAN MENGURANGKAN HARGA BARANGAN MEREKA. TETAPI KALAU KITA TERIMA PENDAPAT BAHAWA KALAU KITA BERJAYA MAKA PIHAK LAIN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP KITA, KALAU KITA MEMIKIR CARA ITU, SEKARANG INI KITA TIDAK MUNGKIN ADA KEBUN-KEBUN KELAPA SAWIT KERANA KITA TAKUT ORANG MARAH KEPADA KITA. JADI KITA TIDAK BOLEH TERIMA PENDAPAT YANG SEMACAM ITU. SEBALIKNYA KITA PATUT BERUSAHA SUPAYA KITA MENJADI +COMPETITIVE+ DALAM DUNIA. KALAU TIDAK BOLEH JUAL DI AMERIKA SYARIKAT, MUNGKIN KITA JUAL DI TEMPAT LAIN. ADA TEMPAT LAIN LAGI YANG BOLEH KITA JUAL.

SOAL: SOALAN YANG AKHIR. ORANG RAMAI TIDAK TAHU APAKAH PERSYARIKATAN MALAYSIA INI TELAH BERJALAN, ATAU SEDANG DIJALANKAN ATAU AKAN DIJALANKAN?

JAWAB: SEBENARNYA ASAS PERLAKSANAAN KONSEP INI BERGANTUNG KEPADA SIKAP IAITU SIKAP DARIPADA KERAJAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAINYA DAN DENGAN DIISTIHARKAN PENERIMAAN KONSEP INI DAN PEMBERITAHUAN KEPADA SEMUA PEGAWAI-PEGAWAI DAN JUGA PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK, MAKA SUDAH PUN DIMULAKAN USAHA MENGUBAH SIKAP SUPAYA SECOCOK DENGAN KONSEP MALAYSIA INCORPORATED INI. KALAU KITA DAPAT UBAH SIKAP SAHAJA, TIDAK ADA PENDIRIAN SEOLAH-OLAH KITA BERKONFRANTASI DENGAN PIHAK SWASTA, MAKA SUDAH PUN TERCAPAI SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PERLAKSANAAN MALAYSIA INCORPORATED. -- BERNAMA 1629/MK